



LAPORAN TAHUNAN

2021

**JABATAN OBSTETRIK
& GINEKOLOGI**

HOSPITAL TAIPING

JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI

LAPORAN TAHUNAN 2021

PENGENALAN

Hospital Taiping adalah Hospital Kluster Perak Utara, merupakan *lead hospital* untuk Hospital Kuala Kangsar, Hospital Parit Buntar, Hospital Selama dan Hospital Gerik.

Jabatan Obstetrik dan Ginekologi Hospital Taiping merupakan pusat rujukan dan rundingan pengendalian bagi kes ibu hamil, ibu yang lepas bersalin yang berisiko dan masalah sakit puan. Di samping ianya memberi Perkhidmatan Kesihatan, unit ini juga dikenali sebagai Pusat Latihan kepada Pegawai Perubatan Siswazah, Pegawai Perubatan Pakar, Pelajar Perubatan dari IPTS dan Jururawat Pelatih dari ILKMM dan IPTS.

Jabatan Obstetrik dan Ginekologi mempunyai 107 katil terdiri daripada :

1 st & 2 nd kelas Materniti	=	22 katil.
A Wing (Wad Materniti kelas 3)	=	30 katil
B Wing (Wad Materniti kelas 3)	=	30 katil
Wad Gynae	=	25 katil.
Dewan Bersalin	=	8 katil
HDU (terletak di Wad B Wing)	=	4 katil
Dewan Bedah Bersalin	=	1 Dewan Bedah
Klinik Pakar O&G	=	Terletak berhadapan Dewan Bersalin.

Jabatan ini terdiri daripada seorang Ketua Jabatan Jusa C (KUP), 5 orang Pakar dan 17 orang Pegawai Perubatan, 25-35 orang Pegawai Perubatan Siswazah, 2 orang Penyelia Jururawat, 12 orang Ketua Jururawat, 95 orang Jururawat, 67 orang Jururawat Masyarakat, dan 32 orang Pembantu Perawatan Kesihatan.

1. PERKHIDMATAN

Jadual waktu mingguan unit ini adalah seperti di bawah.

Jadual Klinik Obstetrik dan Ginekologi beroperasi setiap Isnin hingga Khamis. *Combine Clinic* dikendalikan bersama Pakar Perubatan pada setiap hari Rabu. Klinik *Pre Pregnancy* beroperasi sebulan 2 kali. Perkhidmatan *Day Care* dijalankan pada setiap petang. Perkhidmatan-perkhidmatan lain adalah termasuk Pap Smear, Endometrial Sampling, Colposcopy, Detail Scan, pemeriksaan kehamilan dan pemeriksaan postnatal. Hari Jumaat dikhususkan untuk saringan pra pembedahan dan aktiviti pembelajaran berterusan untuk anggota.

1.1 JADUAL KLINIK

HARI	MASA	KLINIK
ISNIN	8.00 am -1.00 pm 2.00 pm – 5.00 pm	Klinik Antenatal / Ginekologi <i>Day Care</i>
SELASA	8.00 am– 1.00 pm 2.00 pm– 5.00 pm	Klinik Antenatal / Ginekologi <i>Day Care</i>
RABU	8.00 am– 1.00 pm 2.00 pm– 5.00 pm	Klinik Antenatal / Ginekologi <i>Combine Clinic</i>
KHAMIS	8.00 am– 1.00 pm 2.00 pm– 5.00 pm	Klinik Antenatal / Ginekologi <i>Day Care</i> <i>Pre Pregnancy Clinic</i> (Minggu pertama dan ke 3 sahaja)
JUMAAT	8.00 am- 12.15pm 2.45 pm– 5.00 pm	Saringan pra pembedahan, aktiviti pembelajaran dan terima panggilan untuk dapatkan temujanji dari luar Perkhidmatan pesakit luar, luar jangka

1.2 JADUAL PEMBEDAHAN KES OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI

HARI	PEMBEDAHAN	TEMPAT PEMBEDAHAN
SELASA	ELEKTIF LSCS dan KES GYNAE	MOT, GOT
RABU	ELEKTIF LSCS	MOT
KHAMIS	ELEKTIF LSCS dan KES GYNAE	MOT, GOT

1.3 LAWATAN PAKAR O&G KE HOSPITAL DAERAH

Perkhidmatan lawatan Pakar ke Hospital Kluster Non Lead (Hospital Kuala Kangsar, Hospital Parit Buntar dan Hospital Selama) dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan. Ianya dilakukan bagi menepati strategi kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan Pakar di hospital-hospital tanpa Pakar.

Jadual adalah seperti berikut:

HOSPITAL	JADUAL LAWATAN
SELAMA	Isnin kedua dan Rabu keempat
KUALA KANGSAR	Isnin pertama dan Isnin ketiga
PARIT BUNTAR	Rabu pertama dan Isnin keempat

2. VISI

- ❖ Mencapai tahap kecemerlangan dalam perkhidmatan perbidanan dan sakit puan.

3. MISI

- ❖ Memberi perkhidmatan yang berkualiti dan professional untuk merangsang wanita untuk mencapai sepenuhnya kemampuan kesihatan reproduktif dan mengekalkan status kesihatan bagi menikmati kesihatan keluarga yang lebih bermutu.
- ❖ Mengurangkan kadar morbidity dan mortality dalam kalangan pesakit obstetric.
- ❖ Menjadi pusat rujukan, latihan dan pendidikan kesihatan reproduktif yang diiktiraf.

4. OBJEKTIF

- ❖ Memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada ibu-ibu sepanjang tempoh hamil dan proses bersalin
- ❖ Memberi rawatan kepada wanita yang mempunyai masalah kesihatan reproduktif.
- ❖ Melaksanakan pendidikan perbidanan dan sakit puan kepada paramedik, jururawat dan pegawai perubatan siswazah.
- ❖ Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang awam mengenai kesihatan reproduktif.

5. PIAGAM PELANGGAN JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI

5.1 PESAKIT LUAR

- i) Pendaftaran adalah dalam masa 5 minit.
- ii) Masa menunggu untuk pemeriksaan doktor selepas pendaftaran adalah dalam masa 90 minit.

5.2 PESAKIT DALAM

- i) Setiap pesakit yang dimasukkan ke wad akan diletakkan di katil dalam masa 30 minit dari masa tiba di wad.
- ii) Setiap pesakit akan diberikan orientasi pada hari kemasukan.
- iii) Setiap pesakit akan dilihat oleh Pakar dalam masa 24 jam selepas kemasukan.
- iv) Setiap pesakit di dalam wad akan diperiksa oleh Pegawai Perubatan sekurang-kurangnya sekali sehari.
- v) Pesakit yang memerlukan perawatan khusus yang tidak terdapat di hospital ini akan dirujuk ke hospital yang mempunyai perkhidmatan kepakaran / sub kepakaran.
- vi) Ibu-ibu hamil di wad maternity, Hospital Taiping akan bersalin dengan cara yang sesuai dan selamat.
- vii) 90% pesakit yang memerlukan pembedahan major berkaitan dengan kes barah akan dilakukan dalam tempoh 30 hari.

6. METODOLOGI / CARA PELAKSANAAN

6.1 PESAKIT LUAR

- Kes-kes yang dirujuk ke klinik pakar daripada klinik kesihatan dan hospital yang berdekatan akan dimasukkan ke wad atau diberikan temujanji.
- Kes-kes dari unit kecemasan akan dimasukkan ke wad sakit puan, wad bersalin atau diberi temujanji untuk datang ke klinik pakar untuk rawatan lanjut.
- Temujanji yang diberi mengikut sistem blok masa iaitu 8 pagi, 9 pagi, 10 pagi dan 2 petang supaya pesakit tidak menunggu lama untuk berjumpa Doktor

6.2 PESAKIT DALAM

- **ANTENATAL (Pemantauan semasa kehamilan)**

Kes ibu mengandung yang perlu mendapat perawatan dan penjagaan yang terperinci di dalam wad seperti kes PIH, Pre Eclampsia, Placenta Previa dan Premature Labour.

- **INTRAPARTUM (*Low risk & high risk*)**

Pesakit yang dalam proses kelahiran yang perlu diberi pemerhatian yang rapi di dewan bersalin serta tindakan segera diambil jika berlaku *fetal distress, prolonged labour* dan sebagainya untuk menyelamatkan ibu dan bayi.

- **POSTNATAL**

Pesakit yang telah bersalin secara normal atau pembedahan yang tiada mengalami komplikasi akan dibenarkan pulang dengan diberi tarikh temujanji di klinik berdekatan.

Pesakit yang mempunyai komplikasi pula akan dirujuk ke klinik berdekatan di bawah penjagaan dan pengawasan anggota kesihatan serta diberi tarikh temujanji semula ke klinik pakar untuk tindakan selanjutnya.

Doktor Pediatrik akan membuat rondaan dan pemeriksaan ke atas bayi bagi memastikan bayi tidak bermasalah sebelum discaj.

- ◆ **GINEKOLOGI**

Memastikan pesakit yang mempunyai masalah kesihatan reproduktif menerima perawatan.

Memastikan tahap kesihatan pesakit perempuan yang sedang menghadapi *hormone disorder* dan penyakit-penyakit kelamin tercapai.

7. STATISTIK PERKHIDMATAN DAN PERAWATAN PESAKIT

i) KLINIK OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI

a. PESAKIT LUAR

AKTIVITI		2018	2019	2020	2021
ANTENATAL	JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT	6346	6228	5761	6129
GINEKOLOGI		5003	5079	4583	4439
POSTNATAL & PERANCANG KELUARGA		389	415	409	389
JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT LUAR O&G		11,738	11,722	10,753	10,969
COMBINE		789	797	753	803
DAY CARE		2060	1866	1500	1132
KLINIK PRA KEHAMILAN		40	28	75	153
PAP SMEAR	JUMLAH PROSEDUR YANG DILAKUKAN	685	662	625	618
COLPOSCOPY		43	34	39	27
ULTRASOUND SCAN		4677	6191	6608	6052
ENDOMETRIAL SAMPLING		186	221	180	224

b) JUMLAH KEDATANGAN KES BARU DAN ULANGAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI KE KLINIK PAKAR O&G BAGI TAHUN 2021

BIL	DISIPLIN	KES BARU	KES ULANGAN	JUMLAH
1.	OBSTETRIK	2401	3728	6129
2.	GINEKOLOGI	1069	3370	4439
3.	POSTNATAL		401	401
	JUMLAH	3470	4098	10969

ii.) **WAD-WAD (PESAKIT DALAM)**

JUMLAH KEMASUKAN PESAKIT DALAM WAD MATERNITI

TAHUN	2018	2019	2020	2021
Jumlah kemasukan	7623	7209	7566	7536
Jumlah Kelahiran	5933	5624	6005	5998
Bed Occupancy Rate (%)	71.72	67.78	54.60	70.0
Average Length Of Stay (days)	2.84	2.78	3.11	3.1

JUMLAH KEMASUKAN PESAKIT DALAM WAD GINEKOLOGI

Tahun	2018	2019	2020	2021
Jumlah Kemasukan	1660	1790	1691	1818
Bed occupancy rate	40.20	44.22	65.87	61.30
Average Length of stay	2.36	2.2	2.5	2.2

JUMLAH KELAHIRAN

CARA BERSALIN	TAHUN	2018	2019	2020	2021
SVD		3141	3701	3561	3718
Breech		9	14	17	16
Assisted Forceps		27	17	42	11
Assisted Vaccum		34	21	65	61
Caesarean Section		1657	1830	2264	2192
Jumlah		5933	5624	6005	5998
Twin		37	41	56	58
Triplet		0	0	0	3

Tahun	2018		2019		2020		2021	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Kelahiran Risiko Rendah	1966	33.13	2093	37.2	1780	30.0	2192	36.5
Kelahiran Risiko Tinggi	3967	66.87	3531	62.8	4225	70.0	3806	63.5
Jumlah	5933	100	5624	100	6005	100	5998	100

JUMLAH KES PEMBEDAHAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI

Tahun	Obstetrik			Ginekologi		
	Elektif	Kecemasan	Jumlah	Elektif	Kecemasan	Jumlah
2018	574	1083	1657	303	331	634
2019	673	1175	1848	270	263	533
2020	654	1610	2264	267	216	483
2021	619	1535	2154	267	169	436

KADAR KEMATIAN IBU

TAHUN	2018	2019	2020	2021
KADAR KEMATIAN IBU				
Kematian ibu di Hospital	1	2	1	7
<i>Maternal Mortality Rate / 100,000 birth</i>	16.85	35.5	10.8	116.7

KADAR KEMATIAN PERINATAL

AHUN	2018	2019	2020	2021
KADAR KEMATIAN PERINATAL				
Jumlah	58	56	79	79
Crude PNMR	11.8 %	9.94 %	10.8 %	10.8 %

INDICATOR HPIA DAN KPI O&G 2021

Bil.	O&G Indicator	Std & Reporting	Type of indicator	Performance Jan - Jun	Performance Jul - Dis	SIQ
1	KPI Percentage of patient with waiting time \leq 90 minutes to see Dr at O&G outpatient clinic (only 1 registration area involved)	\geq 90 % Monthly	N: Number of sampled patient with waiting time of \leq 90 minute to see Dr at O&G clinic D: Total of sample patient seen by Dr at O&G clinic	92.25 %	92.3 %	No
2	KPI Percentage of mothers with eclampsia administered Magnesium sulphate MgSO ₄	\geq 90 % 3 Monthly	N: No. of patients with eclampsia administered Magnesium Sulphate (MgSO ₄) D: Total number of patients with eclampsia	100 %	0%	No
3	KPI / HPIA Percentage of massive post partum haemorrhage (PPH) incidence in cases Delivered in the hospital	\leq 0.5% 3 Monthly	N: No. of patients with massive primary post-partum haemorrhage D: Total no. of deliveries	0.39 %	0.3 %	No
4	KPI Percentage of unrecognised ureteric injury intraoperatively during benign gynaecological surgery	\leq 1.5 % 3 Monthly	N: Number of cases with unrecognised ureteric injuries D: Total number of surgery done for benign gynaecological cases	0 %	0%	No
5	HPIA Percentage of Obstetric trauma following vaginal delivery without instrument in the corresponding year	\leq 5% 6 Monthly	N: No of patients with Obstetric Trauma following vaginally delivered without instrument in the hospital D: Total number of vaginal deliveries without instrument in the Hospital	0.46 %	0.25 %	No

7.0 AKTIVITI-AKTIVITI DAN LATIHAN ANGGOTA

7.1 Aktiviti – aktiviti yang dirancang adalah termasuk:

- Mesyuarat Senior Staf – sebulan sekali
- Continuous Medical Education untuk Pegawai Perubatan Siswazah – seminggu 2 kali
- Continuous Medical Education untuk Pegawai Perubatan – seminggu sekali
- Continuous Nursing Education untuk Jururawat - seminggu sekali
- Continuous Medical Education Peringkat Hospital
- Mengendalikan Perhimpunan Pagi Bulanan Peringkat Hospital

Berikutan masalah pandemik COVID-19 yang melanda negara pada 2021, kebanyakan aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan.

7.2 Kursus –kursus anjuran O&G yang telah dijalankan pada tahun 2021 :

BIL	NAMA KURSUS	PERINGKAT	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1	Kursus <i>Cord Blood Gas Analysis</i>	Hospital Kluster Perak Utara	Tidak dapat dijalankan	
2.	Kursus <i>Perinatal Manual Care</i>	Hospital Kluster Perak Utara	06.08.2021	20 orang
3.	Kursus <i>Heart Disease In Pregnancy</i>	Hospital Kluster Perak Utara	Tidak dapat dijalankan	
4.	Kursus <i>Hypertension In Pregnancy</i>	Hospital Kluster Perak Utara	Tidak dapat dijalankan	
5.	Kursus <i>Obstetric Life Saving Skill</i>	Hospital Kluster Perak Utara	Tidak dapat dijalankan	
6.	Kursus Penyusuan Susu Ibu (Non Klinikal)	Hospital Taiping	Tidak dapat dijalankan	
7	Kursus Pengukuhan Penyusuan Susu Ibu	Hospital Taiping	08/04/2021	18 orang
8	Kursus Penyusuan Susu Ibu 20 jam	Hospital Taiping	17 – 19/08/2021	15 orang

Sebanyak 8 kursus (termasuk kursus penyusuan susu ibu) telah dirancang pada 2021 tetapi hanya 3 kursus sahaja dapat dijalankan dengan mematuhi SOP norma baharu yang ditetapkan.

Anggota– anggota jabatan O&G juga ada menghadiri kursus – kursus yang dijalankan di Peringkat daerah, negeri dan nasional secara online dan bersemuka untuk menambah ilmu Pengetahuan.

7.3 Aktiviti sosial

Berikutan masalah pandemik COVID-19 yang melanda negara, beberapa perancangan aktiviti sosial peringkat jabatan tidak dapat dijalankan.

8.0 PEMBANGUNAN FIZIKAL JABATAN

Hampir keseluruhan penempatan Jabatan O&G termasuk Dewan Bersalin dan Dewan Bedah Materniti secara fizikal adalah di bangunan lama yang sedia ada kecuali wad ginekologi. Wad ginekologi secara fizikalnya di tempatkan di Wad Bersalin, aras 2 Blok Servis Klinikal.

Adalah dijangkakan perpindahan keseluruhan Jabatan O&G akan terlaksana apabila wad-wad Medikal berpindah ke blok A & B.

Pembaikan bumbung di laluan Wad Awing ke Bwing telah dilakukan pada 3/10/2021 hingga 7/10/2021

Diharap pada plan perancangan pembangunan 2022 dapatlah menyelesaikan masalah banjir di klinik O&G dan wad-wad materniti.

Disediakan oleh,

.....
KJ NORIZAN BINTI SAED
Ketua Jururawat
Klinik Pakar O&G

Disemak oleh,

.....
DR HJH NORLIA BINTI MOHAMAD
Ketua Jabatan Obstetrik & Ginekologi
Hospital Taiping

